# GALERI
# SEJARAH BRUNEI TUA

PUSAT SEJARAH BRUNEI



ڤوست سجاره بروني
PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

# GALERI SEJARAH BRUNEI TUA

Galeri ini mengandungi informasi berkenaan dengan Sejarah Awal Brunei atau Brunei Tua. Keterangan yang paling awal sekali tentang kewujudan Brunei Tua diperoleh; daripada sumber China mengenai Pulau Borneo (Po-li atau Po-ni). Manakala sumber tempatan diperoleh daripada Syair Awang Semaun. Galeri ini mengandungi 6 panel.

***Panel 1 : Sejarah Brunei Tua***

Brunei ialah sebuah negara tua di Alam Melayu yang mempunyai warisan sejarah setanding dengan Palembang Tua di Sumatera dan Taruma Negara di Jawa, serta Kerajaan Tua Melayu Islam yang lain di rantau ini seperti Perlak, Pasai, Melaka, Demak dan Acheh.

Terdapat beberapa sumber perubahan sebutan Brunei, antaranya:

- Menurut Sejarah China - Brunei dikenali dengan nama Po-li, Po-lo, Po-ni, Founi, Wen-lai dan Bun-lai.
- Menurut Catatan Arab - Brunei dikenali dengan nama Zabaj atau Randj.
- Menurut tradisi lisan - Brunei ialah nama baharu iaitu sesudah Kerajaan Brunei Tua berpindah ke Kota Batu kira-kira sebelum TM 1397. Perpindahan itu ada dinyatakan dalam *Syair Awang Semaun*:



*Awang Alak berkata kepada Demang Sari,*
*Bersama Pateh kanan dan kiri,*
*Jikalau terpakai Awangku sendiri,*
*Kedalam Brunei kita bernegeri*

Orang Eropah pula menyebut Brunei dengan nama Borneo yang dieja dengan pelbagai ejaan seperti Brunai, Brune, Borney dan Borne. Menurut S. Maller, nama Borneo itu adalah berasal daripada perkataan Sanskrit 'Bhurni' yang bermaksud tanah atau negeri.

## *Panel 2 : Lokasi Brunei Tua*

Lokasi geografi Brunei yang baik, pelabuhannya yang strategik dan terlindung menjadikannya terkenal sebagai tempat persinggahan berulang-alik bagi ahli-ahli pelayaran antara Tanah Arab, India, China dengan negara-negara rantau sebelah sini sejak sebelum KM 6.




Peta Brunei Awal (Pelayaran Fa-hsien)

**YE-PO-TI**

- Menurut catatan Fa-hsien, seorang sami Buddha China yang balik dari Ceylon (Sri Lanka) ke China pada TM 411 telah singgah pada satu tempat bernama Ye-po-ti.

- Menurut Roland Braddel, Ye-po-ti itu bukan jawa tetapi Borneo kerana kedudukan tempat itu berpadanan dengan perjalanan jika mengikut tiupan angin monsun timur laut.

- Moens pula mengatakan :

*Jika Fa-hsien bertolak meninggalkan Jawa menuju ke Canton, kapten beliau tidak mungkin belayar ke arah timur laut dan beliau tidak boleh meneruskan pelayaran tersebut selama satu bulan setengah. Beliau sama ada telah mendarat di Borneo atau mungkin telah mengambil haluan ke utara pada awalnya.*

- A. Grimes telah mempastikan Ye-po-ti itu satu tempat di Borneo.

Di pantai barat laut Borneo, monsun mula bertiup sebagai angin dari arah barat daya pada pertengahan atau akhir bulan Median ini adalah sangat bersesuaian dengan fakta.

| Masa/Zaman | Nama Brunei Tua | Keterangan |
|---|---|---|
| Dinasti Liang (TM 502-566) | Po-li | TM 518, Po-li terletak di sebuah pulau di sebelah tenggara Canton, ketika itu, Po-li dikatakan memerintah 136 buah daerah dan jarak pelayaran ke Canton mengikut tiupan angin biasa ialah 60 hari. |
| Dinasti Sui (TM 518-618) | Po-li | TM 616, perjalanan dari Kiao-chih (Tongking) ke Po-li melalui laut singgah di Chih-tu dan Tan-Tan.<br><br>Dalam buku Chiu T'ang Shu meriwayatkan Po-li sebuah negeri terletak di sebuah pulau berdekatan laut, kalau dari Kiao-chou (nama lain Tongking) ke Po-li mestilah mengikut jalan laut menghala ke selatan melalui Lin-ni, Funan, Chih-tu dan Tan-Tan. |
| Dinasti Tang (TM 618-906) | Po-lo | Belayar dari Chih-tu ke arah barat daya akan sampai ke Po-lo. |
| Dinasti Sung (TM 960-1279) | Po-ni (Puni) | Puni itu satu tempat berlatarbelakangkan bukit, terletak di laut sebelah barat daya Ch'uan-chou, jika belayar mengikut tiupan angin biasa, jauhnya dari Jawa 45 hari, dari San-fo-tsai (Palembang) 40 hari dan dari Champa 30 hari. |

*Panel 3: Pusat Pemerintahan Awal Brunei*

Mengikut sejarah tradisi Brunei, penempatan terawal pusat pemerintahan Brunei dipercayai di Garang yang terletak di Teluk Brunei, berhampiran kuala Sungai Temburong. Raja Brunei yang pertama ialah Awang Alak Betatar. Pendapat ini dibuktikan apabila di kawasan ini telah dijumpai peninggalan artifak seperti tembikar, tiang-tiang rumah, dan yang paling terkenal Pasu Gadong yang dikatakan mempunyai permukaan yang lebarnya enam kaki. Setelah beberapa lama kemudian pusat pemerintahan Brunei berpindah ke Kota Batu, yang juga terletak di tebing Sungai Brunei. Perpindahan ke tempat baru ini berkemungkinan adalah kerana aspek keselamatan seperti mengelak daripada serangan lanun dan bencana angin yang kencang. Penempatan di Kota batu ini jelas terbukti apabila banyak dijumpai bukti artifak di kawasan ini.

Tidak lama di Kota Batu, pusat pemerintahan berpindah lagi ke tempat yang mempunyai persekitaran yang lebih baik, mudah untuk mengambil air, senang menangkap ikan, dan terlindung daripada angin ribut yang kencang. Tempat ini berlatarbelakangkan bukit di sepanjang tebing Sungai Brunei dan keadaan ini memudahkan binaan rumah dengan teratur dan tersusun. Penempatan baru ini dikenali sebagai Kampong Aying [Kampong Ayer]. Di Kampong Aying inilah terletaknya Istana Sultan danpusat pentadbiran serta pemerintahan kerajaan yang baru.

Walau bagaimanapun, Perang Saudara antara Sultan Abdul Hakkul Mubin dengan Pengiran Bendahara Muhyiddin yang berlangsung selama 12 tahun (TM 1661-1673) telah menjejaskan lokasi pusat pemerintahan sepanjang tempoh peperangan tersebut. Selepas perang berakhir, rakyat Brunei bersatu semula dan negara kembali aman. Namun kedatangan orang Eropah pada KM 19 telah membawa kesan perubahan kepada pusat pemerintahan dan perumahan Kampong Aying kerana berlaku perpindahan penduduk ke tempat lain dan ke kawasan darat. Perpindahan ke darat mewujudkan Bandar Brunei, maka pusat pemerintahan turut berpindah ke darat.



Penempatan terawal pusat pemerintahan Brunei
*The Brunei central Government of the earliest settlements*

Pusat pemerintahan Brunei berpindah ke Kota Batu
*The Brunei central Government move to Kota Batu*

***Panel 4 : Warisan Khazanah Budaya Brunei***

Pada KM 16, kehidupan penduduk Brunei sudah mencapai kemajuan atau ketamadunan yang tinggi berdasarkan laporan Anthony Pigafetta, seorang pengembara dan pengarang dari negeri Itali yang ikut serta dalam pelayaran Angkatan Sepanyol diketuai oleh Ferdinand Magellan yang tiba di Brunei bertarikh TM 1521. Antara kemajuan atau ketamadunan yang digambarkan oleh Anthony Pigafetta seperti berikut telah diwarisi oleh generasi selepasnya:

- Keadaan Bandar dan Istana Raja
- Adat Istiadat Mengadap Raja
- Anugerah Hadiah dan Makanan Daripada Raja Brunei Kepada Sepanyol
- Kehidupan Masyarakat Brunei
- Tembikar Brunei
- Jong Brunei



## ***Panel 5 : Sistem Pemilikan Tanah***

Pada KM 13, Brunei telah berjaya menakluki beberapa wilayah berdekatan. Bagi memastikan wilayah jajahan Brunei berada dalam keadaan kukuh, bersatu padu dan sekurang-kurangnya bagi mengurangkan beban tugas Sultan dalam mentadbir wilayah Brunei yang begitu luas, maka setiap daerah atau wilayah ditadbir oleh wakil-wakil baginda, biasanya disebut 'Pengiran'. Golongan ini diamanahkan oleh Sultan untuk mengutip cukai sebagai hasil pendapatan negara.

Selain itu, Sultan juga membahagikan daerah atau wilayah itu kepada pemilik-pemilik tertentu berdasarkan sistem pemilikan tanah. Pembahagian ini sudah wujud sejak KM 13 lagi, iaitu:




- **Kerajaan**

Kawasan yang dipunyai oleh Sultan yang memerintah dan segala hasil kawasan adalah milik Sultan. Bagaimanapun, ia tidak boleh diwariskan kepada keturunan baginda melainkan ia dipusakai oleh pengganti baginda atau Sultan yang baru.

- **Kuripan**

Kawasan yang dipunyai oleh Wazir-Wazir dan segala hasil kawasan ini dipunyai oleh mereka. Bagaimanapun mereka tidak boleh mewariskan kepada keturunan mereka kerana kawasan ini adalah hak kepada pengganti Wazir.

- **Tulen atau Pesaka (Pusaka)**

Wilayah yang dimiliki oleh golongan Pengiran, biasanya kelompok Wazir dan Cheteria. Segala hasil jajahan ini adalah milik mereka dan ia boleh diwariskan kepada keturunan mereka.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Galeri Sejarah Brunei Tua
sila kunjungi Galeri Pameran Pusat Sejarah Brunei,
Bandar Seri Begawan.

**LOKASI PUSAT SEJARAH BRUNEI**





**PUSAT SEJARAH BRUNEI**

Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Jalan Stoney/Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan BS 8610
Negara Brunei Darussalam

Tel: (+673) 2240166-9

Fax: (+673) 2241958

IG: pusatsejarahbrunei

Website: www.pusat-sejarah.gov.bn


**WAKTU MELAWAT**

DIBUKA SETIAP HARI ISNIN HINGGA
KHAMIS DAN SABTU
8:00 Pagi– 4:15 Petang

AHAD
8:00 Pagi – 12:00 Tengah Hari

JUMAAT DAN CUTI AWAM
Tutup


ڤوسة سجاره بروني
PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN